

BERITA HARIAN

DATE: 15 / 08 / 2007

Mesej perpaduan buat Abdullah

BH - 15/8/2007

Pelajar universiti tulis ucapan khas sempena merdeka

Oleh Mohd Anwar Patho
Rohman dan Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi

GEORGETOWN: Sejuta mesej perpaduan akan diserahkan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada malam kemuncak 'Gegar U! Warna-Warna Malaysiaku: Satu Lambang Perpaduan,' Sabtu ini.

Mesej dalam bentuk cakera padat (CD) itu akan diserahkan pada perhimpunan lebih 20,000 orang di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA), mulai jam 8 malam.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata mesej berkenaan di-kumpul menerusi kempen Gegar U! yang diadakan di 16 universiti tempatan sejak Mei lalu hingga akhir bulan ini.

Menerusi kempen itu, pelajar universiti diminta memasukkan mesej perpaduan secara bertulis ke dalam kotak yang disediakan di kampus masing-masing dan lokasi awam terpilih atau melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan menghantarnya ke talian 33310 atau melalui internet.

Katanya, penganjur yakin sebanyak sejuta mesej perpaduan dapat dikumpul menjelang majlis penutu-



Malaysiaku Gemilang

pan kempen itu.

"Kempen itu diadakan sempena ulang tahun kemerdekaan ke-50 bertujuan membantu mewujudkan kegiatan yang dapat menyatukan warga muda Malaysia untuk menghasilkan mesej perpaduan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengenai program itu, di pejabatnya di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Jahara Hamid dan Ketua Eksekutif Yayasan Budi Penyayang Malaysia (Penyayang), Datuk Leela Mohd Ali.

Penganjur utama kempen itu adalah Penyayang, Kementerian Pengajian Tinggi dan kerajaan Pulau Pinang. Majlis itu dijangka dihadiri Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Pengerusi Pe-

nyayang, Nori Abdullah.

Penaja utama kempen ialah Scomi Engineering Sdn Bhd (Scomi), Kumpulan Naza, Kolej Muzik Antarabangsa (Icom) dan Power Root (M) Sdn Bhd.

Penganjur turut menyediakan tujuh hadiah kepada penghantar mesej perpaduan terbaik, termasuk sebuah kereta Naza Sutera hadiah utama.

Kempen itu meliputi Pesta Perpaduan di 16 universiti terpilih, selain rakaman gambar perpaduan, pameran perpaduan, buku cerita rakyat Malaysia, perpaduan dalam muzik dan cabaran laluan.

Majlis kemuncak akan diadakan di PISA selama tiga hari berturut-turut mulai esok.

Dalam tempoh 50 jam terakhir kempen itu yang bermula jam 2 petang esok, akan diadakan pertandingan muzik tanpa henti yang disertai 42 kumpulan muzik daripada 16 universiti tempatan.

Selain itu, konsert perpaduan juga akan diadakan pada malam kemuncak sebagai acara penutup yang akan disiarkan secara langsung oleh stesen penyiaran Astro menerusi saluran Astro Ria.

Beberapa artis terkenal dijadual membuat persembahan termasuk Datuk Siti Nurhaliza, Aznil Nawawi dan bintang Akademi Fantasia 5.